

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA TIAP2 HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 6 RABU 20 MACH, 1963 (24 SHAWAL 1382)

PERCHUMA

Pesuroh Jaya Tinggi Bersara Kerana Kesehatan

BANDAR BRUNEI. — Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Sir Dennis White tidak lama lagi akan meninggalkan negeri ini kerana bersara.

Pejabat Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-sini dalam pengumuman-nya berkata bahawa Baginda Queen telah pun bersetuju membolehkan Sir Dennis melepaskan jawatan-nya di-Brunei itu.

Baginda Queen juga dengan sukachita memberikan kebenaran atas lantikan kepada Tuan A. M. Mackintosh, C.M.G. untuk menggantikan jawatan Sir Dennis sa-bagai Pesuroh Jaya Tinggi di-Brunei.

Sir Dennis dahulu-nya pernah menjadi British Resident di-Brunei dan kemudian-nya dilantik menjadi Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris berikutan dengan putus-nya hubungan pentadbiran antara Sarawak dengan Brunei dalam tahun 1959.

Sir Dennis baharu2 ini telah membuat permohonan untuk bersara kerana sebab2 kesihatan. Beliau telah di-rawat di-sa-buah Rumah Sakit di-London sa-masa meletus-nya penderhakaan di-Brunei bulan Disember tahun lepas.

Beliau merasai perlu untuk balek ka-Brunei dengan serta merta dan terpaksa menanggoh-


kan rawatan ka-atas diri-nya di-London itu.

Tuan Angus Mackintosh telah di-lahirkan dalam tahun 1915 dan telah menuntut di-Fettes College dan Oxford. Beliau telah berkhidmat dengan tentera dari tahun 1942 hingga 1946 dan mendapat kepujian.

Beliau telah memasoki The Home Civil Service dalam tahun 1946 dan sekarang sa-bagai Penolong Setiausaha di-Pejabat

Tanah2 Jajahan dalam bahagian Cabinet Office.

Tuan Mackintosh telah berkhidmat sa-bagai Timbalan Pesuroh Jaya Agong United Kingdom bagi Tenggara Asia di-Singapura dari tahun 1956 hingga 1959.



Sir
Dennis
White



KURSUS PERMULAAN UNTUK ORANG2 TAHANAN

BUNUT. — Orang2 tahanan yang sekarang di-tempatkan di-Khemah Tahanan di-Berakas itu lambat laun akan di-bebaskan.

Tetapi mereka hendak-lah menjalani satu kursus pemulehan akhlak dan sa-telah mendapat pengakuan bahawa mereka telah "masak" dengan sharahan2 pemimpin dan di-perchayai boleh kembali kepada chorak hidup yang sa-wajar-nya.

Untuk melaksanakan maksud itu bangunan Sekolah Melayu Bandahara Sakam di-sini, kira2 lima batu dari Bandar Brunei, telah di-gunakan untuk menjadi pusat pemulehan.

Pengawas Khemah Tahanan dan Pusat Pemulehan Inche J. G. Godwin berkata bahawa pusat pemulehan itu di-chadang akan dapat di-buka dalam bulan ini dan sharahan kepada 80 orang tahanan di-mulai buat kali pertama.

Dari sa-ramai itu akan di-bahagikan kepada dua darjah—

40 orang tiap2 satu darjah, katanya lagi.

Sekarang ini sa-ramai 1,600 orang tahanan2 masih lagi di-tahan di-Khemah tahanan di-Berakas.

Tahanan2 yang akan menjalani kursus itu akan tinggal di-Pusat Pemulehan di-sini untuk di-awas dan di-perhati oleh be-

berapa orang pegawai khas.

Bagi menjayakan tujuan dan usaha tersebut sa-orang pegawai ia-itu Inche H. J. R. Bennett ada-lah di-tempatkan di-sana untuk mengetuai sa-bagai pengetua pusat itu.

Kursus tersebut akan mengambal masa dari tiga hari hingga dua minggu.

Sharahan2 akan di-adakan dalam bahasa Melayu. Antara-nya akan termasuk juga tayangan wayang gambar dan melihatkan

Lagi

T.N.K.U.

di-Tangkap

TERUSAN. — Pehak Pulis di-sini telah menangkap enam orang lagi yang di-shakki mengambil bahagian dalam Tentera National Kalimantan Utara, penghujung minggu lepas.

Sa-orang yang berpangkat Kopral TNKU juga telah ditangkap di-kawasah Limau Manis.

Di-Batu Marang 9 orang lagi penderhaka telah menyerah diri kepada ketua kampung di-sana, dua hari lepas. Mereka diberitakan dalam keadaan burok.

Di-Kampung Tentaya pula sa-orang lagi penderhaka telah ditangkap oleh pasukan keselamatan.

Sementara itu, pehak Pulis di-Kuala Belait telah menjumpai lagi banyak peluru2 dari pelbagai ukuran.

PERENTAH BERKURONG

Perintah berkurong akan dikenakan lagi ka-atas kawasan2 di-sekitar dan dalam kawasan daerah2 Brunei dan Temburong dan Bahagian Kelima, Sarawak mulai esok, 21 Mach, 1963.

Untuk mengikuti perintah itu sa-terus-nya sila-lah bacha berita-nya di-muka surat lapam keluaran ini.

"gambar2 bisu" untuk mengiringi sharahan2.

Di-pusat pemulehan itu latehan2 senaman dan berbagai2 churak pergerakan badan adala-lah juga sa-bahagian dari kursus yang akan di-adakan pada sa-belah pagi.

Sementara itu bangunan sekolah sementara bagi murid2 digunakan dalam jangka waktu yang singkat.

Bangunan tersebut di-dirikan tidak berjauhan dengan Pusat Pemulehan di-Bangunan Sekolah Melayu Bandahara Sakam itu.

4,000 Lagi Mulai Bersekolah

BANDAR BRUNEI. — Lagi kira2 4,000 murid2 lelaki dan perempuan dari ke-empat2 buah sekolah2 Melayu dan Inggeris di-sini telah mendaftarkan nama mereka pada 16 Mach yang lalu untuk meneruskan pelajaran mereka di-sekolah bangunan2 sementara yang di-tempatkan di-Padang Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-sini.

Murid2 tersebut terdiri dari Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jemalul Alam, Sekolah Melayu Perempuan Raja Isteri Fatimah (kedua2-nya Sekolah Melayu). Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, kedua2-nya sekolah Inggeris.

Bangunan2 sekolah sementara itu akan di-gunakan oleh murid2 sekolah2 Melayu pada sa-belah pagi dan pada sa-belah petang di-gunakan oleh sekolah2 Inggeris tersebut.

Kebanyakan dari sekolah2 Melayu dan Inggeris di-negeri ini telah di-buka sa-mula pada 4 Mach yang lalu sa-lepas berchuti dari bulan December, berikutan dengan pemaknaan sekolah2 itu oleh Tentera Keselamatan British yang di-datangkan ka-negeri ini berikutan dengan meletus-nya penghinaan pada 8 Desember tahun lepas.

Bilik2 darjah sementara telah di-bena untuk beberapa buah sekolah, kechuali empat buah sekolah yang kechil2, semua sekolah2 telah di-buka sa-mula.

Sa-orang juruchakap dari Jabatan Pelajaran, Brunei menyatakan bahawa dua daripada sekolah2 yang maseh berchuti itu akan di-buka sa-mula dalam masa dua atau tiga hari yang akan datang ini.

Dua buah sekolah lagi yang mempunyai jumlah murid-nya kurang dari 250 orang di-Kampung Amo dan di-Bangar Daerah Temburong akan di-buka sa-baik2 sahaja bangunan2 sementara yang sedang di-dirikan di-sana siap di-bena sa-belum hujung bulan ini.

Sementara itu, Ketua Nazir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei,

Che'gu Hussain bin Md. Yusof menyatakan bahawa bangunan2 yang baharu bagi sekolah2 Melayu S.M.J.A. dan R.I.F. sekarang ini sedang dalam ranchangan untuk mendirikan-nya.

Bangunan2 baharu tersebut di-ranchangkan akan di-bena sa-banyak empat buah dan akan di-tempatkan dalam empat kawasan ia-itu di-kawasan2 Kuala Sungai Lumapas, Kampung Sumbiling, Surgai Lampai (Pulau Ambok) dan Jalan Residency (Subok).

Ranchangan pembenaan bangunan2 sekolah2 itu ada-lah dalam pelaksanaan Jabatan Kerja Raya Brunei.

MINTA ADAKAN SEKOLAH

SUKANG, (ULU BELAIT). — Ikhtiar untuk mendirikan sa-buah sekolah di-kampung ini patut-lah di-buat demikian telah di-terangkan oleh Penghulu Kampung Sukang, Dato Maharaja Setia Dian minggu lepas.

Dato Maharaja Setia berkata, memandang kapada banyak bilangan kanak2 yang sudah layak bersekolah di-kampung-nya elok-lah pehak kerajaan mengikhtiar-kan pembenaan sa-buah sekolah di-kampung ini.

Ini telah di-shorkan oleh penghulu itu dalam meshuar penghulu2 dan ketua2 kampung Daerah Belait yang telah ber-langsung di-bilik Pegawai Daerah di-Kuala Belait.

Menjawab chadangan itu Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail meminta supaya Penghulu Dian membuat satu senarai bakal murid2 (lelaki dan perempuan) di-kampung-nya dan kedudukan sekolah yang di-chadangkan itu.

Pegawai Daerah itu juga meminta supaya penghulu kampung itu merundingkan perkara ini dengan anak2 kampung di-sana, sa-belum membawa-nya sa-mula ka-dalam sidang yang akan datang.

Darjah Ugama Dewasa

KUALA BELAIT. — Darjah Ugama di-mesjid2 Kuala Belait dan Seria telah pun di-buka kapada orang Islam dewasa yang hendak meluaskan pengetahuan mereka dalam "ilmu Ugama Islam," demikian menurut Kadhi Belait minggu lepas.

Darjah itu di-adakan ia-itu di-Mesjid Seria sa-belah petang dua kali sa-minggu—tiap2 petang Khamis dan Ahad sa-lepas sembahyang Isha' kira2 jam 7.30 malam.

Di-Mesjid di-sini Darjah Ugama bagi orang2 dewasa itu juga di-adakan dua kali pada tiap2 minggu ia-itu tiap2 petang Sabtu dan Ahad sa-lepas sembahyang Isha'.



Pelajaran mengaji Koran juga di-ajarkan di-mesjid2 tersebut.

Di-Mesjid Kuala Belait pelajaran membaca Koran di-adakan pada tiap2 petang Hari Isnin dan Kamis antara jam 8.00 dan 9.00 malam.

Di-Mesjid Seria ia-lah pada tiap2 petang Selasa dan Rabu juga antara jam 8.00 dan 9.00 malam.

Kaum Islam yang akan mengikuti pelajaran2 Ugama tersebut ada-lah di-alu2kan dan sila-lah datang ka-Mesjid2 itu pada waktu2 yang di-tentukan itu.

Sekolah2 Sementara di-Brunei, Kuala Belait



Beberapa buah bangunan sementara sekarang sedang di-gunakan untuk menempatkan murid2 sekolah bagi membolehkan mereka meneruskan pelajaran mereka. Di-Kuala Belait dua buah rumah panjang (atas sa-kali) kepunyaan Sharikat Minyak Shell Brunei di-gunakan untuk menempatkan murid2 di-bandar itu. Di-Brunei beberapa buah bangunan (atas) telah di-bena khas untuk menempatkan murid2 yang bersekolah di-sekolah2 Bandar Brunei. Ada-lah di-ingatkan bangunan sekolah2 tetap bagi murid2 itu sekarang ini di-gunakan oleh Pasukan Keselamatan British. Kelihatan di-sabalah belakang gambar (yang di-sabalah atas) itu ia-lah bangunan Sekolah2 Melayu SMJA dan Maktab SOAS, di-mana askar2 British itu sedang di-tempatkan.

Dekat \$8,000.00 di-Bantukan Kapada Mangsa2 Banjir

KUALA BELAIT. — Wang sa-jumlah \$1,200.00 dari wang anggaran yang di-sediakan untuk perayaan2 di-Daerah Belait telah di-untukkan untuk bantuan kepada mangsa2 banjir di-daerah itu.

Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail memberitahu akhbar ini bahawa dari jumlah wang itu juga telah di-gunakan untuk bantuan2 yang berupa barang2 makanan dan kain mengain.

Pengiran Momin menegaskan bantuan ini tidak termasuk bantuan yang di-berikan oleh Jawatan Kuasa Derma Banjir Brunei bagi daerah itu.

Sa-jumlah \$6,500.00 telah diterima dari jawatan kuasa itu. Wang ini telah juga di-bahagi2-kan kepada kawasan2 yang mangsa2 itu dalam bentuk barang2 makanan dan wang tunai.

Menurut banchian yang di-berikan oleh penghulu2 dan ketua2 kampung yang di-timpa oleh benchana banjir itu sa-ramai lebih dari 1,500 orang dari 13 buah kampung di-Ulu Belait telah menjadi mangsa banjir.

Kampung2 itu, ka-semua-nya dari kawasan Ulu Sungai Belait termasuk-lah kampung2 Kuala Balai, Bukit Sawat, Sukang, Melilas, Pengkalan Siong, Bukit Kandel dan Kampung Banggarang.

Pegawai Daerah itu sa-lanjutnya memberitahu, baharu2 ini lagi banyak barang2 makanan telah di-bantarkan ka-kampung2 itu untuk bantuan sa-lanjutnya.

Antara-nya sa-banyak 35 guni beras, lapan guni gula, 10 peti u, 100 kotak teh, 200 kotak achis dan 10 tin minyak makan telah di-bantukan.

"Orang2 kampung itu," kata Pengiran Mamin, "telah meminta saya untuk memanjangkan te-


yang sangat2 di-kehendak dan di-maksudkan itu."

"Mereka berasa bangga dan sangat2 terhutang budi kepada pehak dermawan 'am-nya,' tegas beliau lagi.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa sa-takad ini Jawatankuasa Derma Banjir Brunei telah menerima sa-jumlah \$25,000.00

Juruchapak jawatankuasa itu berkata derma wang ada-lah sangat2 lagi di-kehendaki tetapi derma yang berupa barang2 sudah pun menchukupi.

Wartawan di-Padang Minyak



Wartawan2 dari Persekutuan Jawatan singkat ka-negeri ini di-sini mereka telah berpeluang Seria. Gambar di-atas menunjok-mereka ka-padang minyak tersebut.

Tanah Melayu telah mengadakan baharu2 ini. Dalam masa berada melawat ka-padang minyak di-kan wartawan2 itu dalam lawatan

JAWATANKUASA PELANCHONG DI-TUBOHKAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah Jawatankuasa Penasehat bagi Pelanchongan telah tertuboh di-Brunei. Mashuarat-nya yang pertama telah pun di-adakan di-Pejabat Surohanjaya Perkembangan di-sini baharu2 ini.

Butir2 yang penting dalam memperluas usaha2 pelanchongan telah pun di-binchangkan.

Antara-nya yang di-binchangkan termasuk-lah kemudahan2 untuk pelawat2 ka-negeri ini dan meninggikan taraf perumahan, kemudahan2 berjalan dan perkara2 yang bersangkutan dengan barang2 chenderamata hasil usaha tempatan.

Mereka juga berchadang untuk membentok satu badan pelanchongan bagi menjayakan usaha2 bagi meninggikan taraf dalam lapangan pelanchongan.

Usaha tersebut ada-lah mendapat sokongan dari Lembaga Perkembangan Negara yang dimasukkan ka-dalam ranchangan perkembangan lima tahun 1962-1967.

Jawatankuasa Penasehat bagi Pelanchongan yang di-ketuai

oleh Pesuroh Jaya Perkembangan, Inche Sa'at bin Marzuki, mempunyai 10 orang ahli dari pegawai2 kanan kerajaan dan wakil2 dari sharikat2 perniagaan di-Brunei.

Wakil2 Kerjaan terdiri dari Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Pesuroh Jaya Tanah, Pengawal Imigresen, Pengawal Penerbangan Awam, Pengawal Chukai dan Bia dan Penasehat Ekonomi bagi Brunei.

Ahli2 dari sharikat2 perniagaan terdiri dari wakil2 Sharikat Borneo Berhad, Harrison dan Crossfield Berhad, Sharikat Borneo Airways dan Borneo Travel Agency.

Latehan Menimbak di-Muara

MUARA. — Kebenaran kapada Pasokan Keselamatan untuk menjalankan latehan2 menimbak dengan senapang2 rifle dan lain2 senjata api sa-rupa itu telah pun di-berikan minggu lepas.

Latehan2 itu di-fahamkan akan bertempat di-pantai Muara pada tiap2 hari Juma'at dari jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang hingga satu masa yang akan di-umumkan nanti.

Tembakan2 di-jangka berlaku di-sekitar rangka kapal di-pantai itu antara tanah churam di-sini dengan Tanjong Pelompong.

Tidak ada apa2 bahaya akan berlaku ka-atas orang2 dan pelaut2 akan di-beri amaran tentang kawasan yang merbahaya ka-arrah menuju ka-laut dengan melalui pengumuman kapada pelaut2.

Latehan menimbak sa-rupa ini ada-lah suatu perkara yang biasa di-buat oleh pasokan2 keselamatan dalam menggunakan senjata2 api mereka. Tidak ada sebab untuk membangkitkan sebarang kechemasan.

Lawatan Ka-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Siaran Radio Persekutuan Tanah Melayu, Inche Dol Ramli telah tiba di-sini pada 11 Mach lepas dalam satu bidang lawatan-nya ka-negeri ini.

Sa-lama tiga hari berada di-Brunei, Inche Dol Ramli telah melawat ka-tempat2 yang mustahak dan menarek.

Beliau telah di-temani oleh Ketua Jurutera Radio Malaya, Inche Kirpal Singh.

Sa-tiba mereka di-Lapangan Terbang Brunei di-Berakas mereka telah di-temui oleh Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Inche Salleh bin Kadir dan Ketua Jurutera Radio Brunei, Inche Michael Chen.

Inche Dol Ramli dan Inche Kirpal Singh telah balek ka-Malaya pada hari Rabu lepas.

Belajar Bahasa Melayu

KUALA BELAIT. — Darjah2 Bahasa Melayu untuk orang2 dewasa bagi orang2 yang bukan Melayu telah mulai di-buka di-sini bertempat di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, hari Isnin lepas.

Darjah2 sa-rupa itu bagi orang2 dewasa perempuan, juga bertempat di-sekolah yang sama, telah bersama2 di-buka.

Waktu mulai belajar ia-lah pada jam 5.00 petang.

Ramai orang2 dewasa lelaki dan perempuan yang telah mendaftar nama dari kawasan di-sini di-jangka mengikuti pelajaran Bahasa Melayu di-sekolah tersebut.

BERDAMPING DGN RA'AYAT DI-PENDALAMAN BELAIT

SATU gabungan rombongan pegawai2 pentadbir, keamanan dan tentera sekarang ini sedang melancarkan usaha untuk merapatkan hubungan antara penduduk2 di-pendalaman di-sini dengan penduduk2 di-bandar dan khusus-nya dengan pehak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Rombongan itu mengadakan lawatan dari rumah ka-rumah dan dari kampung ka-kampung untuk menjumpai tiap2 orang, besar dan kecil, lelaki dan perempuan, bagi mengetahui berbagai2 perkara dan mas'alah mau pun kesulitan penduduk2 yang terpenchil di-pendalaman itu.

Menjayakan tujuan utama itu mereka terpaksa pergi untuk melihat dan menyaksikan sendiri, dan lebeh2 lagi atas dasar mengambil berat akan kehidupan orang2 di-sana.

Sambil itu mereka memberikan berbagai2 penerangan yang berupa nasihat, pimpinan dan penjelasan kepada penduduk2 yang sa-lama ini memang berkehendakkan untuk mengikut kemajuan2 yang di-selenggarakan oleh kerajaan dalam berbagai2 lapangan.

MEMBUKA MATA

Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam mashuarat2 yang di-adakan-nya dengan semua ketua2 dan penghulu2 kampung di-daerah itu telah berkali2 mengingat ketua2 dan penghulu2 itu supaya membuka mata, mengambil berat kepada anak2 kampung mereka, dan mesti-lah berdamping rapat untuk mengiratkan lagi perhubungan antara satu dengan lain.

Dengan jalan itu, kata pegawai daerah itu, sudah tentu berbagai2 kebaikan, kemajuan dan keuntungan akan dapat di peroleh. Pengulu2 dan ketua2 hendak-lah meminta buah fikiran anak2 kampung dan mengemukakan apa jua kesulitan mereka kepada saya, tegas beliau sa-lanjut-nya.

HARUS BERSABAR

"Saya bagi pehak Kerajaan," kata Pengiran Momin, "akan sedia mendengar dan menimbangkan perkara2 itu dan insha Allah akan mengemukakan kepada pehak yang tertinggi untuk mengatasi kesulitan2 anak2 kampung itu kira-nya perkara2 itu perlu di-buat demikian.

"Dalam pada itu, yang lebeh utama, kita semua harus bersabar dan bersedia menumpahkan kerjasama dengan Kerajaan," beliau menegaskan.

Ada banyak perkara dan mas'alah yang mesti di-selenggarakan oleh Kerajaan bagi keutuhan ekonomi, meninggikan taraf hidup penduduk2 dalam semua lapisan dan mesarakat. Urusan2 itu terpaksa-lah mendapat pertimbangan yang sa-halus2-nya sa-belum dapat di-praktikkan atau di-jayakan.

KUALA BELAIT.

Dalam matalamat ranchangan kemajuan lima tahun (1962-1967) bagi negeri ini terdapat banyak perkara2 yang sudah pun dalam dan sedang di-buat bagi menambahkan dan meninggikan taraf kema'amoran negeri ini.

Yang Amat Bernormat Menteri Besar Dato Setia Marsal bin Maun dalam ucapan-nya menerangkan maksud ranchangan lima tahun itu beliau menyatakan bahawa maksud ranchangan itu ada-lah untuk mengukoh, mengelok dan memajukan lagi kehidupan penduduk2 dalam Negeri Brunei dalam lapangan ekonomi, masharakat dan kebudayaan.



Pengiran Momin

tugas untuk menanam perasaan percaya kepada penduduk2 di-sini bahawa Kerajaan ada-lah senentiasa berusaha dengan sabera daya yang boleh bagi menolong memulehkan dan mengembalikan negeri ini kepada suasana yang aman damai saperti sedia kala.

Dengan yang demikian, pegawai daerah itu menegaskan lagi penduduk2 itu akan dapat melupakan bebanan2 dan kesengsa-

Suasana Di-Pasar Seria



Gambar yang di-ambil baharu2 ini menunjukkan tanda2 keamanan dan kema'amoran negeri sa-makin sa-hari sa-makin pulih saperti sedia kala.

Maka dalam menjayakan tujuan utama lawatan pegawai2 kanan Kerajaan dan tentera ka-kampung2 di-Ulu Belait itu, mereka juga menerangkan sabanyak sa-dikit tentang tugas Kerajaan bagi menjadikan negeri ini sa-bagai negeri yang maju, ma'amor dan sa-hari demi sa-hari akan menuju ka-araf taraf negeri2 yang sekarang lebeh maju.

Mereka juga ada mempunyai

raan yang mereka alami berikutan dengan menchetus-nya penderhakaan dan baharu2 ini benchana banjir yang mengakibatkan banyak penduduk2 telah kehilangan harta benda dan binatang ternakan dan juga kerosakan rumah tangga.

Rombongan yang di-pimpin oleh Penolong Pegawai Daerah Seria Pengiran Shahminan, Inspector kanan Latif bin Hussein, Inspector Windfield dari Paso-

**\$ 8,500
UNTOK
JALAN,
SUNGAI**

BELAIT. — Wang sa-jumlah \$8,500 telah di-untukkan untuk membena jalan2 raya kecil dan membersehhkan sungai di-daerah ini.

Ranchangan dharurat luar bandar di-Daerah Belait telah pun memulakan kerja2 itu minggu lepas, demikian telah di-beritahukan oleh Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Kerja2 itu ia-lah membena jalan kecil antara Lumut dan Liang (panjang-nya kira2 80 rantai) sabatang lagi jalan antara Bukit Sawat dengan Merangking Ulu (panjang-nya kira2 700 kaki).

Membersehhkan sungai ia-itu Sungai Terima hingga ka-Simpang Labit yang jauh-nya kira2 3 batu juga antara projek yang di-mulakan minggu lalu itu.

Pegawai Daerah berkata bahawa semua kerja2 itu ada-lah di-usahakan oleh orang2 kampung yang tinggal di-tempat2 itu dan di-bawah jagaan beliau sendiri juga.

kan Tentera British di-Kuala Belait dan sa-orang pembantu rumah sakit Tuan Haji Mohamad Noor telah memulakan lawatan ka-ulu itu pada pagi 11 Mach lepas.

MEMBUAT PETA

Dengan beberapa orang kakitangan2 Kerajaan yang lain-nya pegawai2 kanan itu di-jangka akan berada di-kampung2 pendalaman itu antara dua hingga tiga minggu.

Dalam masa berada di-sana rombongan itu nanti akan menjalankan banchi kepada penduduk2 dan kawasan2 di-sana.

Mereka di-jangka akan membuat peta dalam bentuk besar berkenaan dengan kedudukan perkumpulan orang2 yang diam dalam kawasan di-kampung2 Ulu Belait.

Rombongan itu juga nanti di-jangka akan membuat kenya-taan2 berkenaan dengan lawatan mereka, untok di-kemukakan kepada Pejabat Pegawai Daerah Belait dan sa-terus-nya nanti ka-ibu kota.

Usaha Meningkatkan Bahasa Melayu Bejalan Terus Menerus

Usaha2 untuk menggalakkan pemakaian Bahasa Melayu di-kalangan penduduk2 Negeri Brunei sesuai dengan kehendak perlembagaan-nya tahun 1959 yang menchatetkan bahawa Bahasa Melayu ada-lah bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan yang tunggal di-negeri ini telah di-lancharkan dengan pesat-nya.

Usaha dan galakan ini telah di-jalankan oleh Jabatan Pelajaran, Brunei yang kemudian-nya di-serahkan kepada Bahagian Bahasa dan Pustaka sa-bagai sa-buah chabang dari jabatan itu yang baharu saja di-tubuhkan pada awal tahun 1962 dengan pengarah-nya Yang Berhormat Tuan Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Omar.

Jabatan Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei, sekarang ini sedang giat membuat berbagai2 rancangan yang besar erti-nya ka-arrah itu, umpama-nya dengan mengadakan kelas2 dewasa, kelas2 Bahasa Melayu bagi orang2 bukan Melayu, kelas2 untuk orang2 kerajaan bagi mendalami pelajaran Bahasa Melayu dan kelas2 membenteras buat huruf.

BUTA HURUF

Suatu gerakan yang sekarang ini sedang di-perhebat oleh Jabatan itu ia-lah tentang membenteras buta huruf, terutama sa-kali di-kalangan penduduk2 di-daerah2 pendalaman sesuai dengan dasar-nya untuk memperkembang, meluas dan menyebarkan Bahasa Melayu kepada sa-tiap lapisan masyarakat di-negeri ini, demikian menurut Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka itu.

Tuan Haji Jamil menjelaskan, ra'ayat di-negeri ini maseh banyak lagi yang buta huruf dan hal ini harus di-sedari dan berusaha untuk menghapuskan-nya dengan jalan belajar di-kelas2 yang di-sediakan".

Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka itu perchaya bahawa kalau maseh banyak lagi ra'ayat di-negeri ini buta huruf, maka kesulitan maseh ada untuk negeri ini mencapai kemajuan, dengan itu usaha2 untuk membenteras-nya kian di-perhebat lagi.

HASIL TULISAN

Beliau menambah, kalau ra'ayat di-negeri ini kebanyakan-nya boleh membacha, menulis dan memahamkan tiap2 hasil tulisan walau apa chara sa-kali pun, maka mereka tidak begitu senang di-pengarohi oleh anasir2 jahat yang boleh mengelirukan fikiran mereka.

Beliau perchaya bahawa dengan jalan mengadakan kelas2 membenteras buta huruf di-seluruh negeri ini akan menambahkan lagi kesetiaan kepada raja dan negara mereka dan bersatupadu dalam menuju ka-arrah kemajuan dan kema'moran negeri ini.

"Salah satu alat untuk sa-sabuah negeri itu mencapai kemerdekaan ia-lah dengan mempelajari dan mendalami selok belok bahasa rasmi di-negeri itu dengan sa-luas2-nya", tegas beliau.

Tuan Haji Jamil berharap kepada seluruh lapisan masyarakat di-negeri ini supaya sentiasa menggunakan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi di-negeri ini dengan sa-luas2-nya.

Harus di-ingat bahawa usaha2 Kerajaan untuk menggalakkan pemakaian Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi Negeri Brunei itu telah pun di-lancharkan dengan berbagai chara dan

Malaya Sambut Bulan Bahasa

KUALA LUMPUR. — Seluruh Negeri2 di-Persekutuan Tanah Melayu telah merayakan perayaan Bulan Bahasa Kebangsaan perengkat yang ke-2 bagi Tahun ini pada 16 Mach yang lalu sambil mengulangi ikrar ta'at setia menjunjung tinggi kedualatan Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa National negeri itu.

Perarakan2 dan perhimpunan2 ramai dari sa-genap bangsa dan golongan telah berlangsung hampir di-tiap ibu kota negeri2 dalam Persekutuan untuk mendengar amanat2 pemimpin sambil melakukan upacara2 ikrar Bahasa Kebangsaan.

Amanat2 dari para pemimpin Persekutuan itu telah di-berikan oleh Timbalan Perdana Menteri Tun Haji Abdul Razak bin Husein dan Menteri Pelajaran Persekutuan Kaptain Abdul Hamid Khan.

Kedua pemimpin2 tersebut telah menyeru ra'ayat negeri itu, khusus-nya pelajar2 supaya menggunakan dengan luas Bahasa Kebangsaan.

daya-usaha sa-baik sahaja perlembagaan Negeri Brunei di-ishtiharkan.

Di-samping achara2 yang lain-nya, maka pada tahun 1961 ia-lah merupakan tahun permulaan Kerajaan Brunei melancharkan kempen sa-chara besar2an dengan mengadakan "Minggu Bahasa Kebangsaan" pada 10 April, 1961 yang lalu.

seluruh lapisan masyarakat, maka pada Bulan Bahasa Kebangsaan sambutan2 seperti itu ada-lah serupa, malah bertambah lagi.

Ini dapat di-buktikan bahawa Minggu Bahasa Kebangsaan hanya di-adakan sa-lama sa-minggu sahaja, sedangkan pada Bulan Bahasa Kebangsaan telah di-adakan sa-lama sa-bulan dengan achara2 yang belum pernah di-adakan pada sambutan Minggu Bahasa Kebangsaan tersebut, seperti "rapat umom" dan "ikrar bahasa".

**Berarak
Mendokong
Bahasa
Melayu**



Gambar di-atas menunjukkan suasana ketika di-adakan perarakan menyambut Minggu Bahasa Kebangsaan di-Negeri Brunei yang telah di-langsungkan dalam tahun 1961. Gambar bawah, ia-lah ketika di-adakan upacara membacha ikrar ta'at setia terhadap penggunaan Bahasa Kebangsaan yang telah di-langsungkan dalam sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan dalam tahun 1962.



Sekolah Ugama Dewasa

TUTONG. — Sa-ramai 165 orang lelaki dan perempuan dewasa di-daerah ini telah pun mendaftar nama untuk memasuki darjah2 Ugama dewasa yang julong2 kali di-adakan di-negeri ini. Di-Daerah Brunei sa-ramai 253 orang telah juga mendaftarkan nama.

Dari bilangan itu sa-ramai 50 orang wanita ada-lah dari Daerah Tutong dan 54 orang dari Daerah Brunei.

Nazir Sekolah2 Ugama Daerah Tutong Inche Mahalee bin Haji Abdullah, yang juga menjadi pengerusi Jawatankuasa Khas Darjah2 Ugama Dewasa di-sini telah memberi tahu Pelita Brunei darjah2 itu telah pun mulai berjalan pada 20 Januari lepas.

Sa-banyak 19 buah tempat, sama ada di-mesjid2, sekolah2 dan di-rumah2 ketua atau penghulu2 kampung, telah pun memulakan darjah2 itu, Inche Ma-menambah kata.

Kata-nya darjah2 yang di-adakan pada tiap2 hari Juma'at dan Ahad itu hanya-lah mengambil masa sa-jam pada tiap2 kali buat langkah permulaan ini.

Nazir Sekolah Ugama Daerah Brunei Inche Abdul Hamid bin Mohammed Daud berkata sa-takad ini 10 buah tempat di-Daerah Brunei sudah pun memulakan darjah2 itu sejak ia-nya di-mulakan juga pada 20 Januari tahun ini.

Kata-nya tempat2 itu termasuk-lah juga di-mesjid2 dan di-rumah2 ketua atau penghulu2 kampung ia-itu menurut mana yang lebih mudah dan sesuai kepada orang2 kampung itu sendiri.

\$25,000 Derma Banjir

BANDAR BRUNEI. — Sa-takad ini sa-banyak lebih dari \$25,000.00 telah di-terima oleh Jawatankuasa Derma Banjir, Brunei dari dermawan2 di-negeri ini.

Kutipan derma yang di-anjorkan oleh jawatankuasa itu telah mulai berjalan sejak awal tahun ini, berikutan dengan bencana banjir yang telah menimpa dan menyebabkan beratus-ratus penduduk kehilangan harta benda.

Derma yang berupa barang2 pakaian, makanan dan perkakas dapur telah juga di-terima oleh jawatankuasa tersebut. Derma sa-rupa ini sudah pun memadai dan jawatankuasa tidak lagi menghendaki-nya.

Antara derma wang yang di-terima akhir2 ini dari Pustaka Antara, Kuala Belait sa-banyak \$305, dan dari Persatuan Tunas Harapan Gabungan Kampung2 Bakut sa-banyak \$38.00.

Juruchapak jawatankuasa itu memberitahu Pelita Brunei bahawa badan-nya ada-lah ber-

Antara tempat2 yang sudah mempunyai darjah2 dewasa di-Daerah Tutong ia-lah di-Kampung Tanjong Maya, Keriam, Penanjong, Lamunin dan Luagan Dudok.

Kedua2 Nazir, itu menerangkan ada tanda2 bahawa bilangan orang2 yang akan memasuki darjah2 dewasa Ugama itu akan bertambah dari sa-hari ka-sa-hari.

Langkah Untok Brunei Masok Malaysia Bijak

BANDAR BRUNEI. — Parti Ra'ayat Bersatu, Brunei ada-lah menyokong penoh atas kemasokan Brunei ka-dalam Persekutuan Malaysia, demikian president parti itu, Haji Ghazali bin Umar, dalam satu kenyataan-nya minggu lepas.

Haji Ghazali telah mensifatkan langkah yang di-ambil Brunei untuk mengadakan perundingan2 dengan perwakilan Kerajaan Malaya mengenai chadangan kemasokan Brunei itu ada-lah suatu keputusan yang bijak untuk kebaikan negeri ini.

Beliau berkata bahawa parti-nya perchaya bahawa Malaysia akan menjamin keamanan dan kema'amoran di-Brunei.

Parti Ra'ayat Bersatu itu ia-lah salah sa-buah pertubuhan yang menggabungkan diri-nya

ka-dalam Parti Perikatan Brunei yang mengandongi Parti Perju-

Meshuarat Pengakap2

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Pengakap2 Tempatan Daerah Brunei telah mengadakan meshuarat agong tahunan-nya bertempat di-rumah Pesuroh Jaya Pengakap Tuan A. A. Coates di-sini pada 7 Mach lepas.

Dalam mashuarat itu pegawai2 baharu telah pun di-pilih.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud telah di-pilih dengan sa-bulat suara sa-bagai President dan Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim sa-kali lagi sa-bagai Pengerusi persatuan itu.

Inche N. Bradbury telah di-pilih sa-bagai Penolong Pengerusi, Inche V. A. George sa-bagai Setia Usaha dan Inche Chua Kong Heng sa-bagai Bendahari.

Ahli2 jawatankuasa yang la-nya ada-lah saperti berikut:

Chegu Hussain bin Mohd Yusof, Chegu Shahbuddin bin M. Saleh, Inche Yeh Cheng Hua, Chegu Hashim bin Tahir, Chegu Salleh bin Haji Masri, Inche Jalil bin Abdul Rahman, Inche Charlie Keasberry, Inche Yahya bin Mohd Yusof dan Inche Syed Ahmad Fadzilullah.

Sementara itu Majlis Pengakap Negeri Brunei telah mengadakan meshuarat-nya di-Klub Recreation, Seria pada 15 Mach lepas.

Pegawai Pelajaran Negara Inche M. McInnes telah mengurus majlis itu.

Sokong Kemasokan Brunei

BANDAR BRUNEI. — President Parti Perjuangan Ra'ayat Brunei, Awang Arshad bin Marsal telah berkata bahawa parti-nya akan memberikan sokongan yang penoh bagi Brunei memasuki ka-dalam Persekutuan Malaysia.

Beliau telah mengulas atas kemajuan perundingan yang di-buat antara Kerajaan Brunei dengan Perwakilan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di-Kuala Lumpur mengenai chadangan supaya Brunei menyertai dalam Malaysia.

Awang Arshad berkata parti-nya perchaya hanya jalan bagi menjamin keamanan dan kema'amoran dan membaiki taraf ekonomi Brunei ia-lah menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia yang akan wujud pada 31 Ogos tahun ini.

Pemimpin parti itu menambh kata bahawa parti-nya akan selalu mempertahankan hak negeri ini dan akan menentang gerakan2 dari luar negeri yang berniat untuk mengganggu urusan2 Brunei.

D.Y.M.M. DI-ZIARAH



Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan Brunei di-Mesjid Omar Ali Saifuddin sa-waktu menunaikan sembahyang Hari Raya Puasa baharu2 ini. — Gambar Kiriman JABATAN PENERANGAN MALAYA.

KERJA2 KOSONG:

Pegawai Gubah Makam

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan kosong sa-bagai Pegawai Gubah Makam Di-raja di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji ia-lah dalam Tingkatan \$180x10-330.

Sharat2 memohonkan jawatan ini ia-lah:—

- Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan atau berhak menjadi ra'ayat Sultan.
- Umor mesti-lah di-antara 25 hingga 45 tahun.
- Tahu serba-sedikit ilmu pengetahuan dalam hal-Ehwal Ugama Islam, umpama-nya, membacha Kitab Suchi Al-Koran.
- Pemohon2 hendak-lah bersedia untuk di-pereksa dengan chara temu-duga.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 18 April, 1963.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada orang2 Melayu laki2 yang berumur antara 25 dan 40 tahun untuk memenohi jawatan2 kosong saperti berikut dalam Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei.

(a) **PEGAWAI PERPUSTAKAAN** — (satu jawatan).

KELAYAKAN2:

- lulus tahun III Thanawiah Sekolah Arab yang terke-muka atau kelulusan yang sa-taraf dengan-nya.
- pengetahuan Inggris yang sama dengan Form II sekolah Inggris.
- baik dan cekap di-dalam ilmu Ugama.
- berpengalaman dalam hal mengelola dan menyusun kerja2 mengenai kutub-khanah (perpustakaan).
- boleh menulis surat2 dalam bahasa Arab dan Inggris.

Gaji ia-lah dalam tingkatan D(a) 1-2-3-4-5, \$350-370-380-x-20-560. Gaji permulaan ada-lah bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

(b) **KERANI BAHASA ARAB** — (satu jawatan).

- lulus tahun III Thanawiah Sekolah Arab yang terke-muka atau kelulusan yang sa-taraf dengan-nya.
- pengetahuan Inggris yang sama dengan Form II sekolah Inggris.
- baik dan cekap di-dalam ilmu Ugama.
- boleh menulis surat2 dalam bahasa Arab dan Inggris.
- boleh menaip jawi dan rumi.

Gaji ia-lah dalam tingkatan D(a) 1-2-3-4-5, \$350-370-380-x-20-560. Gaji permulaan ada-lah bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Chalun2 yang berjaya akan berkhidmat dalam perhubungan sa-lama enam bulan dan sa-telah itu akan di-beri kontrak sa-lama 2½ tahun.

Baksis akan di-bayar sa-banyak 12½% dari gaji yang akhir pada tiap2 bulan ganap perkhidmatan, baksis ini akan hanya di-bayar sa-telah bersara. Baksis tidak akan di-bayar sa-kira-nya berhenti kerja atau pun di-buang kerja.

Keterangan2 tentang chuti, tambang, rumah dan lain2 boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 kepada Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, tidak lewat daripada 30 April, 1963.

Attendan Perpustakaan

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan attendan perpustakaan dalam Jabatan Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Pemohon2 hendak-lah terdiri dari orang2 Melayu ra'ayat Sultan atau pun mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Sultan.

Pemohon2 juga mesti-lah lulus sa-kurang2-nya darjah VI sekolah Melayu.

Gaji ia-lah dalam tingkatan \$183x7 - 211-220x10 - 260 - 280-290-300.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 22 April, 1963.

Permohonan2 daripada pegawai2 kerajaan hendak-lah di-hantar menerusi ketua2 pejabat mereka siapa di-kehendakki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu record of service yang lengkap.

Penolong Jururawat Perchobaan

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat dan mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Sultan bagi memenohi jawatan Penolong Jururawat Perchobaan dalam Jabatan Perubatan, Brunei.

Ada 15 jawatan yang kosong.

Pemohon2 mesti-lah berumur antara 16 dengan 25 tahun dan sehat, dan lulus Sekolah Melayu Darjah V dan Inggris Form I atau lulus Sekolah Melayu Darjah VII akan di-timbang kan. Keutamaan akan di-beri kepada chalun2 yang bersedia berkhidmat di-pusat2 kesehatan luar bandar.

Gaji bagi Penolong Jururawat Perchobaan ia-lah dalam tingkatan \$183x7-204, Penolong Jururawat terlateh \$211-220x10-260-280-290 dan 300. Penolong Jururawat Kanan ia-lah \$290x-20-370-380.

Uniform akan di-beri per-chuma dan tempat tinggal di-sediakan. Tambahan dari itu alaan chatuan sa-banyak \$35/- akan di-bayar sa-masa dalam perchubaan.

Penolong Jururawat Perchubaan tidak di-benarkan berka-win sa-masa dalam perchubaan.

Chalon2 yang di-pilih akan di-lantek sa-chara perchubaan sa-lama dua tahun dan sa-belum menamatkan masa perchubaan mesti-lah memperolehi Sijil Penolong Jururawat Terlateh itu. Kursus latehan ini akan di-ator-kan oleh Jabatan Perubatan Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 April, 1963.

Jawatan Kosong DI-JABATAN HUTAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 berikut dalam Jabatan Hutan, Brunei:—

(a) **PEMANDU MOTOR SANGKUT** — (sa-orang).

Pemohon2 mesti-lah berumur kurang dari 40 tahun dan pandai memandu motor sangkut dan membaiki sa-dikit2 kerusakan engine. Keutamaan ada-lah di-beri kepada mereka yang ber-pengalaman memandu motor sangkut di-Jabatan Kerajaan atau lain-nya.

Chalun2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftar sa-bagai ra'ayat Sultan.

Chalun yang terpilih akan di-kehendakki memandu, menjaga serta membaiki perahu2 dan engin2 motor sangkut kepunyaan Jabatan Hutan di-Kuala Belait. Terkadang2 ia di-kehendakki menjalankan tugas-nya di-kawasan2 terpencil dan jauh dan bekerja lebih dari waktu per-kerjaan yang tertentu.

Gaji ia-lah dalam tingkatan \$152x3-158-160-180x4-200.

(b) **DREBAR TINGKATAN II** — (sa-orang).

Pemohon2 mesti-lah mempuny-ai lesen2 pemandu dan berumur di-antara 20 dan 40 tahun.

Pemohon2 mesti-lah ra'ayat

Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftar sa-bagai ra'ayat Sultan.

Chalun yang berjaya akan di-kehendakki memandu land-rover dan kadang2 di-kehendakki bekerja lebih dari waktu pekerjaan yang biasa. Ia akan di-tempatkan di-Sungai Liang tetapi ia harus di-kehendakki bekerja di-serata2 daerah dalam Brunei.

Gaji ia-lah dalam tingkatan \$180x4-200.

Ada-lah di-ingatkan, pemohon2 yang di-pilih akan dalam perchubaan sa-lama satu tahun. Sa-kira-nya di-dapati pekerjaan mereka memuaskan dan dengan sokongan ketua jabatan-nya mereka akan di-tetapkan dalam jawatan mereka. Jika tidak mereka akan di-berhentikan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 April, 1963.

Permohonan2 daripada pegawai2 kerajaan hendak-lah di-hantar menerusi ketua2 pejabat mereka siapa di-kehendakki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu record of service yang lengkap.

Lagi Ahli2 T.N.K.U. di-Tangkap Dalam Dua Minggu

BRUNEI. — Dalam tempoh dua minggu kebelakangan ini, lagi sa-ramai 35 orang ahli2 Tentera National Kalimantan Utara atau yang di-shakki ahli2 TNKU telah di-tahan atau di-tangkap.

Beberapa orang daripada-nya ada-lah mempunyai pangkat pegawai. Mereka sama ada menyerah diri, atau di-tawan di-daerah2 dalam negeri ini dan Limbang.

Pada 16 Mach sa-orang platoon commander telah menyerah diri di-Kampung Awat-Awat, Limbang, dan sa-orang yang di-

shakki pegawai TNKU di-tawan di-Bandar Brunei.

Pada 8 Mach tiga orang penderhaka telah menyerah diri di-Jalan Pandaruan, Limbang — sa-orang lieutenant dan dua orang private. Di-Daerah Brunei 9 orang pegawai TNKU yang tidak bertauliah telah di-tangkap.

Pada 11 Mach tiga orang lagi

yang di-shakki penderhaka—dua orang di-Bukit Puan dan sa-orang di-Panaga telah di-tahan.

Pada 12 Mach dua orang ahli TNKU telah menyerah diri di-kawasan Sundar dan Kampong Gadong.

Pada 13 Mach lima orang yang di-shakki sa-bagai penderhaka di-Daerah Belait telah di-tangkap dan di-Brunei enam orang pegawai2 TNKU yang tidak bertauliah dan tiga orang pegawai2 TNKU telah di-tangkap.

Pada hari-itu juga dua orang yang di-shakki sa-bagai penderhaka di-Lawas telah di-tangkap.

Sementara itu, lagi beberapa puchok senapang dan senjata2 api telah di-dapat sa-mula oleh pehak2 pulis dan pasokan keselamatan di-seluruh negeri.

PERENTAH BERKURONG

BANDAR BRUNEI.—Mulai esok, 21 Mach perentah berkurong di-kawasan2 yang berikut akan di-kenakan mulai jam 8.00 malam hingga jam 6.00 pagi kesokan hari-nya.

Kawasan2 itu:

Di-kawasan dari Kuala Brunei di-sepanjang Sungai Brunei hingga chawangan-nya dengan Sungai Butir. Di-sepanjang Sungai Butir hingga ka-Sungai Jai-Jai dan terus ka-Sungai Limbang.

Kemudian ka-sabelah selatan di-sepanjang Sungai Limbang hingga tanjong batu tujuh (7) ka-Bukit Terumi, dan dari sini terus ka-Sungai Pandaruan.

Ka-Selatan, di-sepanjang, Sungai Pandaruan hingga ka-chawangan-nya dengan Sungai Kibi. Kemudian ka-araf Timur di-sepanjang Sungai Kibi dan Tebing paya hingga ka-Sungai Temburong.

Di-kawasan sa-panjang Sungai Labu hingga ka-sempadan Daerah Temburong di-Bukit Sagan, dan terus ka-Sungai Terusan dan di-sepanjang Sungai Terusan hingga ka-Kuala Terusan.


Di-kawasan dari Kuala Terusan termasuk-lah kawasan yang terletak di-antara Selatan Sungai Brunei dengan Sungai Butir.

Di-kawasan pantai laut Daerah Limbang. Di-Daerah Temburong di-kawasan yang terletak di-Utara Sungai Labu. Di-kawasan antara Sungai Terusan dan sempadan Temburong di-Utara Bukit Sagan.

Di-kawasan laut ka-araf Selatan garisan dari Kuala Brunei ka-Kuala Terusan.

Pengenaan perentah berkurong ada-lah untuk membolehkan pasokan keselamatan menjalankan gerakan2-nya.

Kenang2an Hari raya



Kenang2an Hari Raya Puasa bintang2 filem dari Cathay Keris Singapura bergambar bersama2 Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Raja Azam (tengah), Timbalan Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohd Yusof (kiri sa-kali) dan Pegawai Pertadbir Pengiran Haji Abdul Rahman (kanan sa-kali). Bintang2 itu telah datang ka-Brunei untuk menghiburkan penduduk2 dengan malam aneka warna di-Padang Besar Bandar Brunei.



Poster2 membentaras buta huruf sekarang ini sedang di-lekatkan di-bangunan2 sharikat2 perniagaan, panggong2 wayang, kedai2 dan tempat2 yang di-kunjongi oleh orang ramai sa-bagai langkah pertama Jabatan Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei untuk menggesa penduduk2 yang buta huruf supaya membentaras-nya dengan segera. Gambar di-atas menunjokkan orang ramai sedang menyaksikan poster2 tersebut sedang di-lekatkan.

ASKAR2

MELAYU BRUNEI

BALEK

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 11 orang ahli2 Askar Melayu Brunei telah berlepas ka-Labuan dalam perjalanan mereka ka-Persekutuan dengan kapal laut pada 18 Mach, untuk menyambungkan latehan mereka di-Malaya.

Mereka telah berada di-negeri ini untuk berchuti sa-lama sabulan.

Di-Tambatan Kastam, Bandar Brunei ramai keluarga dan sahabat handai mereka telah memberi selamat belayar kepada perajurit2 itu.

Sementara itu sa-ramai 50 orang ahli2 Askar Melayu Brunei yang lain-nya telah sampai ka-sini pada 12 Mach lepas.

Mereka akan berada di-negeri ini untuk berchuti sa-lama sabulan.

Sarawak Meluluskan Perjanjian

KUCHING. — Majlis Negeri Sarawak minggu lepas telah meluluskan satu rangka perjanjian di-antara Kerajaan2 Persekutuan Tanah Melayu dan Britain bersangkut dengan kemasokan Wilayah Sarawak ka-dalam Persekutuan Malaysia.

Majlis itu telah memberi kuatkuasa kepada Governor Sarawak, Tuan Yang Terutama Alexander Wadel untuk melantik anggota2 majlis bagi menandatangani perjanjian tersebut.

Perjanjian itu akan membolehkan negeri Sarawak menyertai ka-dalam Malaysia bersama2 dengan Malaya, Singapura, Sabah dan Brunei. Persekutuan baharu itu di-jadualkan ujud

pada 31 Ogos tahun ini.

Perjanjian rasmi yang lengkap di-jangka akan di-tanda tangani di-London bulan depan. Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman di-jangka bertolak ka-sana untuk menanda-tangani perjanjian baharu itu.

Sementara itu Majlis Negeri Sarawak sa-belum itu telah meluluskan perjanjian itu dengan sa-bulat suara.

Sementara itu Majlis Negeri di-pileh dan yang di-lantik telah menyatakan harapan bahawa syarat2 perjanjian yang akan menjamin hak keistimewaan Sarawak tidak akan terlucut di-masa depan.